

# UMS kini miliki akademi teknologi maklumat, komunikasi Huawei

DE 11.4.20193

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama syarikat telekomunikasi terkenal Huawei menubuhkan Akademi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Huawei, di sini.

Dekan Fakulti Komputeran Informatik (FKI) UMS, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim berkata kursus dan latihan dijalankan dalam ruang akademi yang terletak di tingkat lima bangunan FKI.

Beliau berkata melalui akademi itu, pelajar berpeluang mengikuti program Persijilan Profesional Huawei Certified ICT Associate (HCIA) khususnya bagi pelajar program Ijazah Sains Komputer (Kejuruteraan Rangkaian).

“Pelajar UMS sangat beruntung kerana program HCIA yang bernilai belasan ribu ini, memberikan latihan, kemahiran dan pengetahuan berdasarkan produk sebenar Huawei,”

katanya dalam kenyataan, di sini Rabu.

Ag Asri berkata program itu memerlukan peserta sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan dalam sistem rangkaian komputer.

“Hanya mereka lulus dalam peperiksaan dilaksanakan pihak Huawei sendiri sahaja akan menerima sijil profesional yang akan menjadi satu kelebihan apabila bergelar graduan kelak,” katanya. – Bernama